



**MEMO TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK)  
KEPADA  
PELAJAR UiTM CAWANGAN PULAU PINANG**

**PEMAKLUMAN PERLAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG SEMASA SESI II 2019/2020  
BERIKUTAN PENULARAN WABAK COVID-19**

Semua pelajar UiTM Cawangan Pulau Pinang, Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Negeri pada 8 April 2020 telah membuat keputusan seperti berikut:

**1.0 PERLAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

**1.1 KULIAH, TUTORIAL, IDP & CAPSTONE**

Merujuk kepada Kalender Akademik Sesi II 2019/2020 yang telah diluluskan oleh Senat pada 3 April 2020, dan walaupun PKP telah di lanjutkan kepada 28 April 2020 seperti pengumuman YAB Perdana Menteri petang semalam, semua kursus berbentuk kuliah, tutorial, IDP, Capstone dan seumpama akan dijalankan secara **Online Learning** atau **Open & Distance Learning (ODL)** bermula pada 13 April 2020.

**1.2 MAKMAL, AMALI DAPUR DAN KLINIKAL**

Semua pelaksanaan makmal, amali dapur dan amali klinikal akan **DITERUSKAN** secara **Online Learning** atau **(ODL)** sepanjang semester ini, **KECUALI** pelajar Ijazah Sarjana Muda di Pusat Pengajian Pengurusan Hotel dan Pelancongan dan Pelajar Diploma Kejururawatan yang akan **HADIR** ke kampus bagi menyempurnakan amali dapur dan klinikal masing-masing pada sebahagian dari sesi Kuliah 3b yang akan bermula pada 4 Jun sehingga 9 Ogos 2020

**1.3 PROJEK TAHUN AKHIR**

Semua pelaksanaan projek tahun akhir termasuk penyeliaan, kajian, penulisan dan pembentangan akan dilaksanakan secara **Online Learning** atau **(ODL)** sepanjang semester ini.

**1.4 LATIHAN INDUSTRI**

Semua latihan industri (LI) adalah **DITANGGUHKAN** sepanjang PKP berlansung. Walaubagaimanapun, setelah tempoh PKP tamat, LI akan **DISAMBUNG SEMULA** secara yang telah ditetapkan oleh pusat pengajian masing-masing seperti berikut:

**1.4.1 LATIHAN INDUSTRI KEJURUTERAAN**

Pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal akan kembali melengkapkan LI dalam semester ini. Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awan, Elektrikal dan Elektronik, Mekanikal dan Kimia yang berada di semester 7 dan dijadualkan untuk menjalani LI pada cuti semester ini akan menjalankan LI seperti dijadualkan. Walaubagaimanapun, pelajar di semester 6 perlu menangguhkan LI ke cuti semester seterusnya.

#### **1.4.2 LATIHAN KLINIKAL SAINS KESIHATAN DAN FARMASI**

Pelajar Diploma di Pusat Pengajian Sains Kesihatan dan Farmasi akan menyambung latihan klinikal di rumah masing-masing secara *Home Based Practical Training & Assessment*, kaedah alternatif yang akan dimaklumkan oleh pensyarah masing-masing.

#### **1.4.3 WORK BASED LEARNING (WBL)**

Pelajar Diploma di Pusat Pengajian Hotel dan Pelancongan yang menjalani WBL akan menyambung WBL masing-masing bagi mencukupkan tempoh yang ditetapkan dalam pelan pengajian.

### **2.0 PERPERIKSAAN AKHIR**

**TIADA** peperiksaan akhir dijalankan untuk semester ini. Peperiksaan akhir akan ditukar kepada penilaian berterusan.

### **3.0 PERSEDIAAN PEMBELAJARAN SECARA ONLINE LEARNING DAN OPEN AND DISTANCE LEARNING (ODL)**

3.1 Pelajar tidak perlu kembali ke kampus sepanjang semester ini bagi melaksanakan pembelajaran secara *online learning* atau *open and distance learning (ODL)*.

3.2 Pelajar mesti berhubung dengan pensyarah, untuk memaklumkan tahap kesediaan dan capaian internet di rumah atau kediaman semasa bagi memberi panduan kepada pensyarah dalam menetapkan kaedah pembelajaran yang sesuai untuk kumpulan pelajar.

3.2.1 Bagi pelajar yang mempunyai capaian internet yang baik, kaedah *online learning* seperti uFUTURE, Microsoft Team, Google Meet, Youtube, Facebook Live dan lain-lain yang memerlukan capaian internet berkapasiti tinggi akan diterapkan oleh pensyarah untuk melaksanakan sesi pembelajaran.

3.2.2 Walaubagaimanapun jika ada pelajar yang tiada akses internet atau mempunyai tahap capaian internet yang lemah, maka sesi pembelajaran menggunakan ODL yang menggunakan aplikasi internet berkapasiti rendah seperti whatsapp, email, telefon atau penghantaran pakej pembelajaran dan penilaian melalui pos akan dilaksanakan.

3.3 Pelajar boleh melayari laman sesawang berikut jika ada sebarang pertanyaan berkaitan perlaksanaan akademik semester ini, kami di BHEA UiTM CPP sedia membantu:

<https://sites.google.com/uitm.edu.my/covid19uitmhea/faqs>

#StayConnected@OnlineLearning

#StayHome@ODL

#StaySafe@MCO

Profesor Madya Ir. Dr. Ahmad Rashidy Razali

11 April 2020